

Pengekalan dan Peralihan Bahasa di Kuala Selangor: Analisis Geolinguistik

Language Maintenance And Shift In Kuala Selangor: A Geolinguistic Analysis

Muhamad Khairuddin Hanizat

¹Siti Noraini Hamzah

Program Linguistik,
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: ¹snoraini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keunikan dialek-dialek yang wujud di Malaysia telah membuktikan bahawa kajian dialek merupakan suatu kajian bahasa yang menarik untuk diterokai. Bidang geolinguistik merupakan salah satu bidang multidisiplin yang berguna untuk memperlihatkan perubahan bahasa mahupun dialek sesuatu tempat. Kajian ini dilakukan bagi melihat pola pengekalan dan peralihan bahasa di Kuala Selangor dari sudut geolinguistik. Data leksikal kata ganti nama 'saya', 'kamu', dan 'mereka' yang menjadi fokus kajian. Data ini diperolehi melalui kaedah soal selidik dan temu bual dengan 131 orang responden yang terdiri daripada penduduk kampung di Kuala Selangor. Kaedah rakaman suara dan kaedah kepustakaan digunakan untuk memperoleh data yang sahih dan tambahan maklumat mengenai aspek dialek dan perisian GIS. Hasil kajian menunjukkan bahawa telah mula wujud peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda di Kuala Selangor. Kebanyakan generasi muda ini lebih selesa menggunakan bahasa Melayu standard berbanding bahasa Jawa dan Banjar untuk berkomunikasi. Namun begitu, masih terdapat segelintir responden generasi muda boleh menguasai dan menggunakan bahasa Jawa dalam komunikasi harian selain generasi tuanya. Kesimpulannya, kajian ini memberikan pandangan yang komprehensif mengenai peralihan dan pengekalan bahasa di Kuala Selangor serta memberikan kesedaran terhadap kepentingan memelihara bahasa dialek sebagai warisan budaya.

Kata Kunci: *geolinguistik, pengekalan, peralihan, Banjar, Jawa*

ABSTRACT:

The uniqueness of the dialects existing in Malaysia has proven that dialect studies are an intriguing field to explore. Geolinguistics is one of the multidisciplinary fields that are useful in illustrating language changes and dialects in a particular area. This study was conducted to examine the patterns of language retention and shift in Kuala Selangor from a geolinguistic perspective, with a focus on the lexical data of pronouns 'saya' (I), 'kamu' (you), and 'mereka' (they). The data was obtained through questionnaires and interviews with 131 respondents consisting of village residents in Kuala Selangor. Sound recordings and literature methods were used to ensure accurate data collection, as well as to gather additional information on dialect

aspects and GIS software. The study results indicate that language shift has begun among the younger generation in Kuala Selangor. Most of these young people are more comfortable using Standard Malay rather than Javanese and Banjar languages for communication. However, there are still a few young respondents who can master and use Javanese in their daily communication, in addition to their older generation. In conclusion, this study provides a comprehensive view of language shift and retention in Kuala Selangor and raises awareness of the importance of preserving dialects as cultural heritage.

Keywords: *Geolinguistics, Linguistics, Banjar, Javanese, Isogloss*

1. Pengenalan

Proses peralihan bahasa, juga dikenal sebagai perubahan bahasa, terjadi ketika suatu masyarakat yang dwi atau multibahasa mengalami perubahan dalam penggunaan bahasa. Faktor-faktor seperti perbezaan usia antara generasi muda dan tua mempengaruhi terjadinya peralihan bahasa. Saadiah Ma'alip (2014) menjelaskan bahwa peralihan bahasa dipengaruhi oleh perubahan sosial dan budaya dalam masyarakat. Sejarah manusia juga memiliki peran dalam peralihan bahasa, terutama melalui proses migrasi. Ketika manusia pindah dari satu tempat ke tempat lain, mereka membawa bahasa mereka sendiri. Namun, interaksi dengan masyarakat baru dapat mengakibatkan perubahan Bahasa. Dengan demikian, peralihan bahasa terjadi melalui proses sejarah yang melibatkan perpindahan manusia dan interaksi antara berbagai kelompok masyarakat.

Menurut Dato Dr Hj Yusoff Bin Hassan (2002) menyatakan kewujudan Kuala Selangor telah wujud awal dari abad ke 15. Perkara ini terbukti penemuan kitab Jawa negarakertagama yang terkarang di pertengahan kurun 14 yang menyebut nama klang tertakluk ke majapahit. Disamping itu menurut Poortal Rasmi Majlis Perbandaran Kuala Selangor menyatakan terdapat beberapa peta lama yang tersimpan di negeri china dan didalam peta tersebut ada tertulis Sungai Klang dan Selangor darat. Antara bukti bukti lain ada dalam sejarah melayu yang menyebut pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1445-1458) menyebut bahawa Tun perak telah dijemput menjadi penghulu di sungai klang. Sehingga hari ini masih belum ada pengkaji yang mengkaji peralihan dan pengejalan di Kuala Selangor. Oleh itu, pengkaji mengambil tanggungjawab untuk mengkaji bidang yang berkaitan geolinguistik berkenaan aspek peralihan dan pengejalan bahasa pada golongan muda dan tua.

Makalah ini dibangun berdasarkan dua objektif utama. Pertama, objektifnya adalah untuk mengidentifikasi variasi leksikal dalam penggunaan kata ganti nama 'saya', 'kamu', dan 'mereka' yang mengalami proses pengejalan dan peralihan di daerah Kuala Selangor. Penelitian ini bertujuan untuk memahami bagaimana kata-kata tersebut digunakan secara berbeda oleh generasi tua dan generasi muda dalam komunikasi sehari-hari. Kedua, tujuan penelitian ini adalah untuk memetakan isoglos dan koroplet leksikal berdasarkan pengejalan dan peralihan bahasa. Dalam upaya ini, penelitian menggunakan aplikasi Geographic Information System (GIS). Hal ini bertujuan untuk melihat pola dan pola penyebaran bahasa yang berkaitan dengan penggunaan kata ganti nama tersebut

2. Sorotan Kajian

Pengkaji telah merujuk kajian daripada Dilah Tuah, Remmy Gedat, Muhammad Jazlan Ahmad Khiri dan Chong Shin (2020) bertajuk pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda etnik Kedayan di benua Sarawak. Kajian ini mendapati bahasa minoriti di Sarawak telah mewujudkan fenomena peralihan dan pengekalan bahasa di peringkat individu mahupun masyarakat. Keadaan ini berlaku disebabkan keadaan sosial Serawak yang dikatakan berlaku pertembungan antara bahasa majoriti yang lebih dominan. Pengkaji mendapati terdapat beberapa bahasa majoriti yang dominan di Sarawak iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, bahasa Melayu baku, dan bahasa Inggeris. Kaedah kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan sosiolinguistik iaitu analisis domain fishman (1972). Kaedah kajian terbahagi kepada dua iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden manakala kaedah kualitatif melalui pemerhatian, temu bual, analisis dan sebagainya bagi melengkapkan data. Hasil dapatan kajian terbahagi kepada empat domain iaitu persahabatan, keagamaan, pendidikan dan kekeluargaan mendapati kebanyakan orang Kedayan memilih bahasa mengikut domain persahabatan dan keagamaan. Hal ini kerana mereka bertutur menggunakan dialek Kedayan ketika pesta makan dan hanya berinteraksi dengan rakan sebangsa dengan menggunakan bahasa Kedayan. Secara keseluruhannya fenomena pengekalan dan peralihan bahasa dalam generasi muda Kedayan sememangnya berlaku namun mengikut domain tertentu sahaja.

Seterusnya pengkaji juga merujuk kajian daripada Nor Hasimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi dan Junaini Kasdan (2017) yang bertajuk penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai : satu kajian perbandingan berdasarkan GIS. Menurut Nor Hashimah dan rakan-rakannya menyatakan kedua-dua daerah iaitu Langkawi dan Satun menggunakan dialek Melayu Satun dalam pertuturan mereka. Metodologi kajian ini ialah melibatkan kajian lapangan iaitu pengutipan data primer yang diperoleh terus daripada informan. Bagi membuat perbandingan, kajian lapangan turut dilakukan di wilayah Satun yang melibatkan subdaerah Che Bilang, Tammalang dan Ban Khuan. Kajian ini telah melibatkan seramai 120 orang informan daripada 18 buah kampung yang dipilih di Langkawi. Pengkaji mendapati pola taburan varian dialek yang dikaji. Hasil dapatan kajian dilihat berlakunya persamaan daripada pengguguran konsonan iaitu bunyi geluncuran /l/ dan /r/ akan digugurkan. Begitu juga dengan taburan varian 'air' 'ular' terdapat bunyi /r/ di akhir kata digugurkan dan digantikan dengan geseran bersuara dan sebagainya. Pengkaji telah menghasilkan peta taburan dialek *Geographic Information System* (GIS). Pengkaji juga menyediakan peta mengikut persamaan dan perbezaan leksikal DSL dan DST yang ditemui di Langkawi dan Satun. Terdapat empat ciri yang diketengahkan adalah vokal panjang, bunyi beraspirasi/hembusan, bunyi bernada dan monosyllabik. Kajian ini juga membuat taburan choropleth dengan menggunakan *Geographic Information System* (GIS) bagi memastikan paparan data tepat dengan kawasan kajian. Kajian ini boleh dikatakan kajian yang sempurna kerana terdapat dua perkarayang diperhatikan iaitu perbandingan dan persamaan

Di samping itu kajian berkaitan dengan bahasa sempadan Malaysia-Thailand: pengekalan vs peralihan bahasa turut menjadi rujukan kajian ini. Kajian ini berkaitan aspek geografi, politik, bahasa, dan identiti yang dihasilkan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal,

Mohammed Azlan Mis, dan Hayati Lateh (2015). Penggunaan bahasa dominan secara meluas memberi kesan kepada batasan politik dan geografi. Jika perkara ini terjadi maka berlaku peralihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa minoriti. Variasi dialek kelantan turut digunakan secara meluas di sempadan Rantau Panjang Golok, khususnya dalam kalangan orang Melayu Kelantan. Responden kajian ini seramai 202 responden yang mewakili komuniti penutur di kedua-dua kawasan kajian. Responden kajian melibatkan komuniti yang bertutur dan tinggal di Rantau Panjang dan Golok. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa wujud persaingan antara dua variasi bahasa Melayu iaitu dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Pattani. Perkara ini sudah dijangka oleh pengkaji disebabkan kedua-dua subdialek bahasa melayu tersebut menjadi bahasa pertama bagi komuniti di Rantau Panjang. Domain kekeluargaan merujuk kepada bahasa yang digunakan di dalam rumah iaitu bersama keluarga dan saudara mara. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Thai merupakan salah satu bahasa yang penting dalam domain kekeluargaan di Golok. Manakala domain perniagaan bertujuan mendapatkan maklumat tentang bahasa yang digunakan semasa jual beli pakaian dan makanan. Hasil dapatan kepelbagaian pola pilihan bahasa di kawasan kajian ini menunjukkan komuniti bahasa multilingual.

Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah dan Hayati Lateh (2019) menjalankan satu kajian pada tahun 2019 yang bertajuk penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan Thai : satu kajian perbandingan berasaskan *Geographic Information System* (GIS) turut menjadi rujukan kajian pengkaji . Kajian ini meneliti dan menghuraikan ciri persamaan dan perbezaan antara dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai. fokus kajian ini adalah perbincangan aspek fonologi secara umum dan penyebaran variannya. Jumlah responden yang dikaji adalah seramai 120 orang responden dari 18 buah kampung yang telah dipilih. Pengkaji menjelaskan bahawa melalui data yang diperoleh, pengkaji mengesan ciri fonologi bahkan pola taburan varian dialek yang dikaji. Pengkaji melakukan analisis data dengan mengikut pencirian linguistik iaitu penguguran konsonan, pembundaran vokal dan geseran bagi ciri persamaan. bagi ciri persamaan dapat dilihat wujudnya persamaan bagi kedua-dua dialek tersebut dalam penguguran konsonan. Pengkaji juga mendapati bunyi geluncuran /l/ dan /r/ akan digugurkan contohnya perkataan [bAntA], [bAntaj] dan [bAntE]. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji berjaya membuktikan bahawa wujudnya perbezaan dan persamaan leksikal dari segi fonologi yang digunakan oleh 20 penutur di kedua-dua daerah yang berbeza. Pengkaji juga membincangkan mengenai faktor non-linguistik seperti topografi, migrasi, sejarah, dan sosiobudaya yang memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek di sesuatu kawasan.

2.1 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada peralihan dan pengekalan bahasa di daerah Kuala Selangor dengan menggunakan pendekatan *Geographic Information System* (GIS). Kuala Selangor merupakan kawasan pentadbiran bagi Negeri Selangor yang terletak di barat laut semenanjung Malaysia. Kawasan Kuala Selangor ini dipilih adalah disebabkan berlakunya migrasi penduduk pada abad-19 dan awal abad-20 (Jejak Tarbiah 2019). Pengkaji ingin melihat adakah bahasa penutur masyarakat Kuala Selangor mengalami peralihan dan pengekalan dan apakah faktor yang mendorong berlakunya. Daerah ini bersempadanan dengan daerah Sabak Bernam yang terletak di utara, daerah Hulu Selangor terletak di timur laut dan Klang terletak di timur dan Selat Melaka terletak di barat. Kampung yang terlibat adalah 28 buah kampung di Kuala Selangor antaranya Kampung Parit Serong, Kampung Pasir Penambang, Kampung Sungai Terap, Kampung Sungai Yu, Kampung Sungai Gulang-Gulang, dan sebagainya.

Kajian ini akan melibatkan responden remaja (15-25 tahun) dan warga tua (56 tahun ke atas). Kajian ini meneliti tiga variasi leksikal kata ganti nama iaitu 'saya', 'kamu' dan 'mereka' yang menunjukkan peralihan dan pengekalan. Pemilihan tiga leksikal kata ganti nama ini adalah disebabkan variasi untuk setiap leksikal tersebut paling dominan berbanding leksikal yang lain dan leksikal ini juga digunakan setiap hari di dalam kehidupan manusia. Penggunaan perisian GIS iaitu teknik koroplek (*choropleth*) diaplikasikan bagi memetakan peta taburan dan penyebaran bagi ketiga-tiga leksikal kata ganti nama yang dikaji. Penghuraian secara deskriptif bagi faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik turut dibuat bagi menjelaskan senario pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat di daerah Kuala Selangor.

3. Metodologi Kajian

3.1 Soal selidik

Soal selidik merupakan salah satu kaedah popular yang digunakan dalam kajian, terutamanya dalam kajian yang melibatkan bidang yang luas. Penggunaan soal selidik adalah penting dalam kajian bahasa, di mana ia dapat digunakan untuk meneliti fenomena bahasa dalam kalangan masyarakat. Pengkaji bahasa sering menggunakan kaedah soal selidik dalam penyelidikan mereka, kerana ia dapat memberikan data yang diperlukan dan membantu mengesahkan dapatan kajian. Oleh itu, soal selidik adalah kaedah yang penting dan berguna untuk digunakan dalam kajian bahasa dan bidang lain.

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan untuk memperoleh data bahasa dari responden. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu latar belakang responden, lokasi kawasan kajian dan senarai daftar leksikal. Bahagian pertama soal selidik merangkumi latar belakang responden seperti umur, jantina, pendidikan dan pekerjaan. Bahagian kedua pula adalah lokasi kawasan kajian yang meliputi maklumat mengenai kawasan di mana responden tinggal dan bahagian ketiga terdiri daripada senarai daftar leksikal yang digunakan untuk mengumpul data mengenai varian leksikal dalam kajian bahasa. Soal selidik ini adalah penting dalam memperoleh data bahasa dari responden dengan cara yang sistematik dan teratur.

3.2 Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan kajian kaedah kualitatif yang iaitu pengkaji berinteraksi responden secara langsung bagi memperoleh maklumat yang lebih tepat dengan kajian. menurut Taylor dan bogdan (1984) dalam Kamarul Azmi Jasmi (2018) menyatakan data berbentuk kualitatif merupakan kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang boleh diamati. Menurut Patton (1990) dalam kamaru azmi jasmi menyatakan tiga jenis data dikutip iaitu melalui hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan tertulis. Dalam kajian ini bgai memperoleh data yang tepat pengkaji telah melakukan hasil pemerhatian dimana belakunya interaksi antara pengkaji dan responden. Dengan proses ini pengkaji memperoleh bunyi yang tepat daripada responden.

Dalam interaksi tersebut, pengkaji menggunakan temu bual tidak berstruktur atau lebih dikenali sebagai temu bual terbuka. Temu bual ini lebih bersifat santai dimana percakapan antara dua orang atau lebih dilakukan secara spontan dan tidak terikat dengan format atau skema. Hal ini dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat yang spontan mengikut kebiasaan yang

disebut oleh responden. Kemudian maklumat tersebut akan dikumpul dan dianalisis mengikut umur responden. Sesi temu bual yang dilakukan oleh pengkaji disesuaikan dengan keselesaan responden dan melibatkan topik-topik yang berkaitan dengan diri mereka, ahli keluarga, pengalaman bekerja, sejarah tempat, makanan tradisional dan topik lain yang relevan. Oleh itu temu bual secara tidak berstruktur membantu membedah maklumat lebih terperinci dan spesifik mengenai tajuk kajian.

3.3 Rakaman suara

Pengkaji telah menggunakan kaedah rakaman suara untuk mengumpul data dalam kajian ini. Tujuan penggunaan kaedah ini adalah untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi. Pengkaji merekod perbualan responden sebagai data primer menggunakan kaedah rakaman. Responden bersetuju dengan kaedah tersebut dan hasil rakaman akan ditranskripsi. Afie Zahin Nisa (2015) Rakaman suara dilakukan apabila pengkaji merakam pertuturan mereka. Selain itu, penggunaan kaedah rakaman suara ini juga membantu pengkaji dalam proses membersihkan data dan menyelesaikan keraguan pengkaji tentang sebutan sesuatu leksikal yang digunakan oleh responden dalam dialek mereka.

Kawasan kajian yang menjadi titik fokus utama pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah di Negeri Selangor yang memberi tumpuan di kawasan daerah Kuala Selangor yang meliputi 5 mukim iaitu Mukim Ijok, Mukim Kuala Selangor, Mukim Bestari Jaya, Mukim Tanjong Karang, Mukim Ujong Permatang. Pemilihan kawasan kajian ini kerana kawasan ini dikelilingi oleh kawasan perairan Selat Melaka dibahagian barat. Melalui pemerhatian penduduk yang tinggal kawasan persisiran pantai barat di Kuala Selangor dan kawasan-kawasan darat di daerah tersebut mempunyai variasi dialek Selangor. Disamping itu penduduk di Kuala Selangor mempunyai variasi dialekk Selangor tersendiri iaitu Jawa dan Banjar (wikipedia 2023). Berikut merupakan jadual yang memaparkan senarai kampung mengikut daerah yang menjadi kawasan kajian pengkaji:

3.4 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan telah menjadi sumber utama bagi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Sebagai permulaan, pengkaji telah merujuk kepada sumber-sumber yang berkaitan dengan bidang dialek untuk mendapatkan pemahaman asas mengenai topik tersebut. Seterusnya, pengkaji mencari dan meneliti beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan dialek Selangor pengkaji mencari sumber tambahan secara atas talian melalui laman web seperti GEMA Online, Perpustakaan Tun Sri Lanang Digital dan Google Scholar. Selain itu, pengkaji juga menggunakan perisian GIS dan bahan bacaan yang berkaitan untuk menjalankan kajian secara menyeluruh. Dengan menggunakan kaedah kepustakaan, pengkaji dapat mengumpul bahan rujukan yang diperlukan dengan cepat dan mudah untuk memastikan kajian ini berjalan dengan lancar.

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis data yang diperolehi adalah hasil daripada 3 jumlah variasi kata ganti nama yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Terdapat 28 buah kampung di daerah Kuala Selangor yang terlibat

dalam menyempurnakan kajian ini. Perkara ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat varian leksikal yang dikaji sekaligus meneliti pengekalan dan peralihan dialek di Kuala Selangor.

4.1 Pemaparan Varian Leksikal

Setiap daerah mempunyai variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain (Raja Mukhtarudin 1986). Ini jelas menunjukkan bahasa dialek dan kawasan geografi merupakan perkara yang mempunyai perkaitan. Oleh itu, varian leksikal merupakan satu bentuk bahasa yang memperlihatkan peralihan dan pengekalan generasi muda dan generasi tua. Berdasarkan kajian ini, dapat diperhatikan wujudnya kepelbagaian varian yang wujud bagi leksikal /saya/, /kamu/ dan /mereka / di Kuala Selangor. Hasil daripada perhubungan secara bersemuka dijalankan antara pengkaji dan responden, wujudnya kepelbagaian varian leksikal kata nama yang dituturkan dalam bahasa Banjar dan Jawa yang dikaji kerana secara lazimnya tiada sebarang peraturan bahasa yang telah ditetapkan kepada masyarakat untuk bertutur.

5.1.1 Varian Leksikal Saya

JADUAL 1: Varian Leksikal /saya/

BI L.	KAMPUNG	Senarai Varian Leksikal /saya/							BILANGAN VARIAN
		L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	
		ak u	saj ə	ɲəŋ	ku ^w e	kit ə	gu ^w e	ako h	
MUKIM KUALA SELANGOR									
1.	Kampung Seri Tiram Jaya	/	/	/	/		/		5
2.	Kampung Bagan Tengkorak	/	/						2
3.	Kampung Parit Empat	/				/			2
4.	Kampung Sungai Tali Ayer 2	/	/					/	3
5.	Kampung Tanah Lesen	/	/	/	/				4
6.	Kampung Tok Adam	/	/						2
MUKIM BESTARI JAYA									
1.	Kampung Asahan	/	/						2
2.	Kampung Rantau Panjang	/	/						2

		MUKIM TANJONG KARANG							
1.	Kampung Sungai Gulang-Gulang	/	/	/					3
2.	Kampung Parit Serong	/		/					2
		MUKIM UJONG PERMATANG							
1.	Kampung Sungai Yu,	/		/					2
2.	Kampung Sungai Terap	/							1
3.	Kampung Pasir Penambang	/	/	/					3
		MUKIM PASANGAN							
1.	Kampung Lubok jaya	/	/	/					3
2.	Kampung Raja Musa	/	/	/					3
3.	Kampung Seri Makmur	/	/						2
		MUKIM KAPAR							
1.	Kampung bukit keragong	/	/		/				3
		MUKIM JERAM							
1.	Kampung Bukit Kucing	/	/						2
2.	Kampung Sungai Sembilang	/	/		/				3
3.	Kampung Simpang 3	/	/		/				3
4.	Kampung Api-Api	/	/			/			3
5.	Kampung Asam Jawa		/			/			2
6.	Kampung Teluk Piai	/	/						2
7.	Kampung Parit Mahang	/	/			/			3
8.	Kampung Nelayan	/	/						2
9.	Kampung Bukit Hijau	/	/						2
		MUKIM SUNGAI JANGGUT							
1.	Kampung Tambak Jawa	/	/	/	/				4
		MUKIM IJOK							

1.	Kampung Ijok	/	/	/							3
----	--------------	---	---	---	--	--	--	--	--	--	---

Berdasarkan Jadual 1 merupakan hasil analisis data, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak 7 varian leksikal bagi/saya/ yang terdapat dikawasan daerah kuala Selangor. Mukim Kuala Selangor, Mukim Bestari Jaya, Mukim Tanjong Karang, Mukim Ujong Permatang, Mukim Pasangan, Mukim kapar, Mukim Jeram yang menjadikan 28 buah kampung secara keseluruhannya terdapat varian leksikal aku majoriti kampung menggunakan leksikal[aku] sebagai ganti nama diri yang pertama. Penutur di mukim kuala Selangor memperlihatkan 6 buah kampung yang secara keseluruhannya terdapat [aku], [sajə], [ɲəŋ], [ku^we], [kitə], [gu^we], [akoh]. Mukim di Kuala Selangor ini Berjaya memperlihatkan 7 varian kata ganti nama /saya/.

Seterusnya mukim Jeram yang menyumbang kampung terbanyak iaitu sebanyak 9 buah kampung dan mencatatkan sebanyak 5 varian leksikal di mukim Jeram iaitu [aku], [sajə], [ɲəŋ], [ku^we], [kitə], [gu^we], Sementara itu, Mukim Bestari Jaya dan Mukim tanjong karang yang kedua-duanya mencatatkan dua buah kampung berjaya memperlihatkan 3 varian leksikal kata ganti nama iaitu [aku], [sajə], [ɲəŋ], disamping itu Mukim ujong permatang dan mukim Pasangan yang masing-masing mencatatkan 6 buah kampung juga sama mencatatkan tiga varian leksikal iaitu [aku], [sajə], [ɲəŋ]. Manakala tiga mukim yang mencatatkan tiga kampung iaitu mukim sungai Janggut, mukim ijok dan mukim kapar mencatatkan varian leksikal sebanyak 4 leksikal iaitu [aku], [sajə], [ɲəŋ], [ku^we],

5.1.2 Varian Leksikal /kamu/

Jadual 2 Varian Leksikal /kamu/

		Senarai Varian Leksikal /kamu/									BILANGAN VARIAN
BI L.	KAMPUNG	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8	L9	
		aw aʔ	kə ^w ə	kə kə	ka w	əŋko	riko	sampəjan	kawo ʔ	kutə	
MUKIM KUALA SELANGOR											
1.	Kampung Seri Tiram Jaya		/		/						
2.	Kampung Bagan Tengkorak	/	/		/						
3.	Kampung Parit Empat		/		/						
4.	Kampung Sungai Tali Ayer 2				/				/	/	

5.	Kampung Tanah Lesen		/	/							
6.	Kampung Tok Adam	/			/						
MUKIM BESTARI JAYA											
1.	Kampung Asahan	/	/								
2.	Kampung Rantau Panjang	/				/					
MUKIM TANJONG KARANG											
1.	Kampung Sungai Gulang-Gulang	/	/			/		/			
2.	Kampung Parit Serong						/	/			
MUKIM UJONG PERMATANG											
1.	Kampung Sungai Yu,		/								
2.	Kampung Sungai Terap		/			/					
3.	Kampung Pasir Penambang	/	/		/						
MUKIM PASANGAN											
1.	Kampung Lubok,	/		/	/						
2.	Kampung Raja Musa		/								
3.	Kampung Seri Makmur	/				/					
MUKIM KAPAR											
1.	Kampung bukit keragong		/	/	/	/					
MUKIM JERAM											
1.	Kampung Bukit Kucing		/	/	/						
2.	Kampung Sungai Sembilang	/			/						
3.	Kampung Simpang 3	/	/	/	/	/					
4.	Kampung Api-Api	/									
5.	Kampung Asam Jawa	/	/								
6.	Kampung Teluk Piai	/	/		/						
7.	Kampung Parit Mahang	/									

8.	Kampung Nelayan	/								
9.	Kampung Bukit Hijau	/								
MUKIM SUNGAI JANGGUT										
1.	Kampung Tambak Jawa	/	/	/						
MUKIM IJOK										
1.	Kampung Ijok	/	/							

Berdasarkan Jadual 2 terdapat Sembilan varian bagi leksikal /kamu/ di keseluruhan Kawasan di daerah Kuala Selangor yang meliputi mukim Mukim Ijok Mukim Kuala Selangor, Mukim Bestari Jaya, Mukim Tanjong Karang, Mukim Ujong Permatang, Mukim Pasangan, Mukim kapar, Mukim Jeram. Di mukim Kuala selangor yang melibatkan 6 buah kampung, terdapat sebanyak 9 leksikal kata ganti nama yang berjaya ditemukan iaitu [awaʔ], [kəʷə], [kə], [kaw], [eŋko], [riko], [səmpəjan], [kəwəʔ], [kutə]. Bagi mukim Bestari Jaya, dan mukim tanjong karang masing-masing mencatatkan 2 buah kampung dan terdapat 7 varian leksikal di kedua-dua buah mukim iaitu [awaʔ], [kəʷə], [kə], [kaw], [eŋko], [riko], [səmpəjan] yang telah digunakan bagi kedua-dua mukim tersebut. Seterusnya bagi Mukim Pasangan dan mukim ujong pematang yang telah melibatkan 3 kampung bagi setiap mukim tersebut menemukan 5 varian leksikal iaitu [awaʔ], [kəʷə], [kə], [kaw], dan [eŋko] yang telah digunakan oleh penutur di dua buah mukim tersebut. Sementara itu mukim Jeram terdapat 9 buah kampung dan terdapat lima varian leksikal iaitu [awaʔ], [kəʷə], [kə], [kaw], dan [eŋko]. Manakala Mukim kapar, Mukim sungai Janggut dan mukim ijok mencatatkan bilangan kampung sebanyak sebuah kampung sahaja dan mencatatkan empat varian leksikal iaitu [awaʔ], [kəʷə], [kə], [kaw].

5.1.3 Varian Leksikal /mereka

Jadual 3 Varian Leksikal /mereka/

		Senarai Varian Leksikal / mereka								
		/								
BI L.	KAMPUNG	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8	BILANGAN VARIAN
		dioraŋ	mərə kə	dəʔ	dəʔ	kəbeh	wəŋ wəŋe	kəwpaŋ	ramə ramə	
MUKIM KUALA SELANGOR										
1.	Kampung Seri Tiram Jaya	/	/		/	/				
2.	Kampung Bagan	/	/							

	Tengkorak									
3.	Kampung Parit Empat	/	/							
4.	Kampung Sungai Tali Ayer 2	/					/			
5.	Kampung Tanah Lesen	/	/	/		/		/		
6.	Kampung Tok Adam	/	/							
MUKIM BESTARI JAYA										
1.	Kampung Asahan	/								
2.	Kampung Rantau Panjang	/								
MUKIM TANJONG KARANG										
1.	Kampung Sungai Gulang-Gulang	/	/	/					/	
2.	Kampung Parit Serong			//						
MUKIM UJONG PERMATANG										
1.	Kampung Sungai Yu,					/				
2.	Kampung Sungai Terap	/		/						
3.	Kampung Pasir Penambang	/		/						
MUKIM PASANGAN										
1.	Kampung Lubok,	/			/					
2.	Kampung Raja Musa				/					
3.	Kampung Seri Makmur	/								
MUKIM JERAM										
1.	Kampung Bukit Kucing	/	/							
2.	Kampung Sungai Sembilang	/	/							
3.	Kampung Simpang 3	/	/							
4.	Kampung Api-Api	/						/		
5.	Kampung Asam Jawa	/					/		/	
6.	Kampung Teluk Piiai	/	/				/			
7.	Kampung Parit Mahang	/								


8.	Kampung Nelayan	/	/							
9.	Kampung Bukit Hijau	/	/							
MUKIM SUNGAI JANGGUT										
1.	Kampung Tambak Jawa	/	/							
MUKIM IJOK										
1.	Kampung Ijok			/						
MUKIM KAPAR										
1.	Kampung bukit keragong	/		/						

Varian bagi leksikal/mereka/ bagi 9 mukim di Kawasan Kuala Selangor yang telah ditemukan sebanyak lapan varian leksikal iaitu [dioraŋ], [mərekə], [dəʒ], [dəʔɛ], [kabeh], [woŋ woŋe], [kawpaŋ], dan [rame rame]. Di mukim Kuala Selangor melibatkan 6 buah kampung. Varian yang telah dikenal pasti adalah sebanyak tujuh varian leksikal ialah [dioraŋ], [mərekə], [dəʒ], [dəʔɛ], [kabeh], [woŋ woŋe], dan [kawpaŋ]. Seterusnya penutur di mukim Bestari Jaya dan mukim Tanjong Karang dan kedua-dua buah mukim ini Berjaya melibatkan dua buah kampung bagi setiap mukim. Varian leksikal yang telah dikenal pasti lima varian leksikal ganti nama ialah [dioraŋ], [mərekə], [dəʒ], [dəʔɛ], dan [kabeh]. Disamping itu, mukim Ujong Permatang dan Mukim Pasangan melibatkan enam buah kampung bagi setiap kampung. Varian leksikal bagi kedua-dua buah mukim ini ialah sebanyak lima varian iaitu iaitu [dioraŋ], [mərekə], [dəʒ], [dəʔɛ], dan [kabeh]. Seterusnya mukim Jeram yang melibatkan 9 buah kampung dan sebanyak lapan varian leksikal iaitu [dioraŋ], [mərekə], [dəʒ], [dəʔɛ], [kabeh], [woŋ woŋe], [kawpaŋ], dan [rame rame]. seterusnya tiga buah mukim yang masing-masing melibatkan satu kampung bagi setiap mukim memperlihatkan tiga varian leksikal yang berjaya direkodkan.

4.2 Penganalisan Data

Leksikal bagi kata ganti nama /saya/, /kamu/ dan /kamu/ yang diperolehi telah menunjukkan kepelbagaian varian leksikal bahasa Jawa dan Banjar yang unik di daerah kuala Selangor. Oleh itu, pengkaji akan memetakan leksikal-leksikal yang dikaji ke peta koroplet dengan bantuan Geographical Information System (GIS) agar penyebaran varian dapat diteliti dengan lebih jelas dan mudah. Selain daripada itu, pengkaji juga akan menghuraikan varian yang dominan digunapakai oleh petuturan masyarakat di kuala Selangor.

5.2.1 Peta Koroplet /saya/ warga muda di daerah Kuala Selangor



RAJAH 1: Peta koroplet leksikal /saya/ warga muda di daerah Kuala Selangor


Berdasarkan Rajah 1 dapat dilihat bahawa penggunaan leksikal /saya/ yang paling dominan dituturkan oleh warga muda di daerah Kuala Selangor ialah varian [aku] [sajə]. Varian ini terkandung dalam Bahasa Melayu Standard (BMS). Kedua-dua varian ini tersebar kesemua

mukim di daerah Kuala Selangor yang dikaji sebanyak 28 kampung. Hal ini memperlihatkan tidak berlaku banyak perubahan panggilan kata ganti nama daripada kata ganti nama daripada (BMS). Penggunaan dua varian leksikal ini secara meluas oleh masyarakat di Sabak Bernam sebagai panggilan harian mencerminkan penerimaan dan penggunaan mereka. Varian-varian ini, yang berasal dari bahasa Melayu standard, masih digunakan secara aktif oleh penduduk kampung, terutama oleh golongan muda.

Bagi leksikal [ku^we] [ɲoŋ] kata ganti nama yang berasal daripada Bahasa Jawa pula menunjukkan terdapat penggunaannya yang tidak berapa meluas dalam kalangan golongan muda. Contoh perkataan [ɲoŋ] memperlihatkan beberapa kampung iaitu kampung ijok, kampung sungai U dan kampung bagan pasir. Sementara itu perkataan Jawa iaitu [ku^we] juga memperlihatkan satu varian leksikal yang kurang dituturkan oleh generasi muda kerana memperlihatkan hanya kampung bagan sungai tengkorak dan kg seri tiram jaya golongan muda menggunakan perkataan Jawa tersebut. Ini menunjukkan penggunaan Bahasa Jawa kurang dituturkan oleh generasi muda yang berumur 15-55 tahun.

Seterusnya penggunaan Bahasa Melayu standard (BMS) [kitə] di Kuala Selangor juga memperlihatkan sebagai varian leksikal yang terdapat di daerah ini. Kampung api-api dan kampung bukit hijau hanya memperlihatkan varian Bahasa Melayu standard [kitə]. Hal ini menunjukkan kedua-dua kampung ini lebih cenderung menggunakan leksikal dari Bahasa Melayu standard. Disamping itu, kampung Tiram Jaya juga memperlihatkan varian leksikal [gu^we] yang berasal daripada Jawa dan penggunaannya hanya di satu kampung sahaja. Akhir sekali penggunaan leksikal daripada Banjar iaitu [akoh] juga dapat ditunjukkan dalam kalangan generasi muda iaitu di kampung Sungai Burung Tali Ayer 2.

Secara keseluruhan, penggunaan leksikal dalam Bahasa Melayu Standard (BMS) dominan di daerah Kuala Selangor, terutama dalam penggunaan kata ganti nama /aku/ dan /saya/. Terdapat juga penggunaan varian-varian leksikal dari Bahasa Jawa dan Bahasa Banjar, meskipun tidak meluas penggunaannya berbanding Bahasa Melayu Standard. Variasi leksikal ini menunjukkan keragaman yang pelbagai bahasa dan pengaruh budaya dalam masyarakat di daerah tersebut.




RAJAH 2: Peta varian leksikal /saya/ warga tua di Kuala Selangor

Berdasarkan Rajah 2, dapat dilihat bahawa penyebaran varian leksikal /saya/ yang paling dominan yang dituturkan oleh generasi tua di daerah Kuala Selangor ialah varian [aku] [sajə] [ꦱꦏꦸ]. Dua varian tersebut ialah terkandung dalam Bahasa Melayu standard (BMS) manakala varian leksikal [ꦱꦏꦸ] berasal daripada Jawa. Varian leksikal aku tersebar di 24 buah kampung dan [sajə] tersebar di 15 buah kampung. Varian leksikal [ꦱꦏꦸ] tersebar di 4 buah kampung iaitu kampung Ijok, kampung pasir penambang, kampung Lubok Jaya dan kampung di kampung Sungai Terap menunjukkan masih ada penggunaan Bahasa Jawa di pesisir sungai di kawasan tersebut. Hal ini menunjukkan generasi tua yang menggunakan kata ganti nama diri mereka dengan menggunakan leksikal Jawa. Namun begitu generasi tua kemungkinan juga lebih cenderung menggunakan Bahasa Melayu Standard.

Seterusnya, penggunaan varian leksikal [kitə] sebagai kata ganti nama diri pertama juga belaku dalam generasi tua tetapi tidak meluas. Disamping itu penggunaan leksikal Jawa seperti

[gu^we] dituturkan oleh generasi tua iaitu di Kawasan kampung assam Jawa. Disamping itu, varian leksikal kata ganti nama pertama dairpada Bahasa Banjar juga digunakan oleh generasi tua iaitu [akoh]. Hal ini menunjukkan generasi tua lebih cenderung menggunakan Bahasa Melayu Standard. Secara kesimpulan, penggunaan varian leksikal kata ganti nama "saya" di daerah Kuala Selangor didominasi oleh generasi tua, dengan varian-varian seperti [aku], [sajə], [nɔŋ], [kitə], [gu^we], dan [akoh]. Variasi ini menunjukkan adanya pengaruh Bahasa Jawa dan Bahasa Banjar di kalangan generasi tua, meskipun penggunaan Bahasa Melayu Standard tetap dominan.




RAJAH 3: Peta varian leksikal /awak/ warga muda di Kuala Selangor

Berdasarkan Rajah 3 dapat dilihat penyebaran leksikal yang paling dominan dituturkan oleh generasi muda di Kuala Selangor ialah varian [awɑʔ] . dan seterusnya diikuti [kɔʷə] yang terkandung dalam varian leksikal Jawa. Varian leksikal [awɑʔ] tersebar 14 kampung dan menunjukkan penggunaan Bahasa Melayu Standard lebih digunakan oleh generasi muda sekarang. Seterusnya varian leksikal (kɔʷə) yang merupakan varian leksikal Bahasa Jawa di beberapa buah kampung kampung sungai U, kampung Raja Musa, Kampung Pasir penambang dan kampung Assam Jawa . keempat-empat buah kampung ini menunjukkan generasi muda mereka boleh berbahasa Jawa dan akan berkomunikasi dengan sesame mereka.

Disamping itu penggunaan Bahasa Melayu Standard dalam kalangan generasi muda ini lebih cenderung menggunakan varian leksikal [kɔ] [kaw] dan [eŋkɔ] ini menunjukkan generasi muda lebih selesa berkomunikasi menggunakan kata ganti nama kedua ini. hal ini menunjukkan kurangnya pengaruh Bahasa Jawa dan Banjar dalam kalangan mereka.

Seterusnya varian leksikal Bahasa Banjar dan Jawa juga dapat dikenali di daerah kuala Selangor. Hal ini menunjukkan adanya generasi muda yang masih menggunakan Bahasa Jawa dan Bahasa Banjar mereka iaitu [riko] [[sɑmpəjan]][kawoʔ]][kutə] yang melibatkan 4 buah kampung iaitu kampung sungai burung tali ayer dua , kampung bagan pasir kampung parit serong dan kampung sungai gulang-gulang. Ini menunjukkan masih ada generasi muda yang menggunakan Bahasa Jawa dan Banjar tetapi tidak meluas dan menggunakannya apabila bertutur dirumah sahaja.

Secara kesimpulan, dalam generasi muda di Kuala Selangor, penggunaan Bahasa Melayu Standard dengan varian [awɑʔ] lebih dominan, diikuti oleh varian Bahasa Jawa seperti [kɔʷə]. Penggunaan varian Bahasa Jawa dan Bahasa Banjar masih ada, tetapi tidak begitu meluas, dan penggunaannya terbatas iaitu hanya komunikasi di dalam rumah.



RAJAH 4: Peta varian leksikal /awak/ warga tua di kuala Selangor


Berdasarkan Rajah 4 dapat dilihat penyebaran leksikal yang paling dominan dituturkan oleh generasi warga tua di Kuala Selangor ialah varian [kawə] dan seterusnya diikuti oleh [kaw] dan [awa?]. Varian leksikal [kawə] melibatkan 14 buah kampung yang warga tua bertutur menggunakan leksikal Jawa apabila berkomunikasi sesama Jawa. Komunikasi antara generasi tua

dengan muda lebih cenderung menggunakan leksikal [kɔ] dan [kaw] yaitu menggunakan Bahasa Melayu standard (BMS) sebagai komunikasi antara mereka dengan generasi muda.

Seterusnya penggunaan leksikal [awɔʔ] melibatkan 7 buah kampung yang menggunakan varian ini dalam komunikasi harian mereka. Golongan warga tua menggunakan leksikal ini apabila bertutur dengan orang yang mereka tidak kenali ataupun orang luar kerana lebih sopan dan mesra berbanding [kɔ] [kaw].

Disamping itu [səmpəjan] dan [kawoʔ] leksikal Banjar ini menunjukkan penggunaan yang kurang tetapi masih menunjukkan kewujudan bahasa Banjar di Kuala Selangor iaitu di tiga buah kampung Sungai Burong Tali Ayer dua dan Kampung Parit Serong, Dan Kampung Bagan Pasir.

Kesimpulannya, dalam daerah Kuala Selangor, generasi warga tua menggunakan variasi leksikal yang mencerminkan pengaruh Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu Standard dalam komunikasi mereka. Mereka cenderung menggunakan varian Bahasa Jawa ketika berbicara dengan sesama penutur Jawa dan varian Bahasa Melayu Standard ketika berkomunikasi dengan generasi muda. Selain itu, ada juga penggunaan terbatas dari Bahasa Banjar.




RAJAH 5: Peta varian leksikal /merekə/ warga muda dikuala Selangor

Berdasarkan Rajah 5 dapat dilihat leksikal yang paling dominan dituturkan oleh generasi muda di Kuala Selangor ialah varian [dioran] dan [merekə] iaitu leksikal daripada Bahasa Melayu standard (BMS) dengan melibatkan 23 kampung yang menunjukkan generasi muda cenderung menggunakan (BMS) berbanding pengaruh Bahasa lain.

Namun begitu generasi muda masih ada yang berkomunikasi menggunakan varian lima leksikal Jawa [dəʒ], [dəʔɛ], [Kabeh], dan [woŋ woŋe] terlihat masih dominan pada generasi muda kerana boleh berbahasa Jawa. Mereka berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa dengan sesame yang boleh berbahasa Jawa dan warga tua . hal ini menunjukkan generasi muda di kuala Selangor berpengaruh Bahasa Jawa akibat daripada keturunan memang asalnya dari Jawa. Dapat dilihat pengaruh Bahasa Jawa melibatkan 5 kampung yang generasi mudanya menggunakan komunikasi dalam Bahasa Jawa.

Sementara itu dua varian leksikal daripada Bahasa Banjar [kawpaŋ] dan [rame ɾame] ganti nama diri ketiga tidak terlihat terlalu dominan tetapi wujud pengaruh Banjar di Kuala Selangor tetapi tidak begitu meluas . kedua-dua leksikal ini melibatkan tali Sungai Burong Tali Ayer Dua dan Kampung Assam Jawa. Hal ini kemungkinan di sebabkan di generasi muda di kuala Selangor didominasi oleh komuniti Bahasa Jawa berbanding Banjar yang begitu kurang. Secara keseluruhan, generasi muda di Kuala Selangor cenderung menggunakan Bahasa Melayu Standard (BMS) dalam komunikasi harian. Namun, pengaruh Bahasa Jawa masih terlihat pada mereka, sedangkan pengaruh Bahasa Banjar tidak begitu dominan di kalangan generasi muda tersebut.



RAJAH 6: Peta varian leksikal /mereka/ warga tua di kuala Selangor

Berdasarkan Rajah 6 dapat dilihat bahawa terdapat 8 varian leksikal /mereka/ secara keseluruhan yang dituturkan oleh golongan warga tua iaitu [dioraŋ], [mərəkə], [dəʒ], [dəʔɛ], [Kəbɛh], [woŋ woŋɛ], [kawpaŋ], dan [ramɛ ramɛ]. penyebaran leksikal yang paling dominan ialah dituturkan oleh generasi ini ialah [dioraŋ]. Varian [dioraŋ] menunjukkan penggunaannya yang paling dominana kerana melibatkan 9 buah kampung di 9 mukim di Kuala Selangor. varian

ini dilihat paling dominan menunjukkan golongan warga tua juga lebih menggunakan (BMS) berbanding pengaruh Bahasa lain. Golongan ini lebih cenderung menggunakan Bahasa Melayu standard kerana lebih mesra dan sopan. Begitu juga dengan leksikal [mərekə] yang melibatkan 7 buah kampung di daerah ini.

Seterusnya empat leksikal [dəʒ], [dəʔɛ], [Kabeh], dan [woŋ woŋe] menunjukkan leksikal pengaruh Jawa wujud di daerah kuala Selangor. dengan penemuan empat leksikal dapat disimpulkan bahawa golongan warga tua menggunakan Bahasa Jawa dalam komunikasi harian mereka sama ada berkomunikasi ahli keluarga dan kenalan Jawa. 4 leksikal ini melibatkan 11 buah kampung di daerah kuala Selangor. ini juga menunjukkan pengaruh generasi Jawa lebih besar berbanding pengaruh Bahasa Banjar.

Disamping dua varian leksikal [kawpaŋ], dan [rame rame] dipercayai leksikal ini adalah daripada pengaruh Bahasa Banjar yang melibatkan dua buah kampung iaitu kampung Sungai Burung Tali Ayer Dua dan kampung Assam Jawa. Dua varian leksikal ini dituturkan oleh penduduk kampung yang sudah menetap lama di kampung tersebut.

Secara keseluruhan, generasi warga tua di Kuala Selangor cenderung menggunakan Bahasa Melayu Standard dalam komunikasi sehari-hari. Namun, terdapat pengaruh Bahasa Jawa yang kuat, diikuti oleh pengaruh Bahasa Banjar yang lebih terbatas. Penggunaan leksikal dalam Bahasa Jawa menunjukkan keberadaan masyarakat Jawa yang di daerah tersebut.

4.3 Pemaparan Peratusan Pergekelan Dan Peralihan Generasi Tua Dan Muda

Berpandukan ketiga-tiga varian leksikal kata ganti nama terdapat pelbagai taburan varian yang digunakan oleh generasi tua dan muda dipengaruhi oleh latar belakang penduduknya. Buktinya penggunaan bagi ketiga-tiga leksikal /aku/, /kamu/, dan /mereka/ oleh generasi muda dan generasi tua adalah berbeza. Keadaan dapat dijelaskan berdasarkan taburan peratusan penggunaan varian bagi ketiga-tiga leksikal tersebut mengikut dalam daerah Kuala Selangor di antara generasi muda dan tua yang ditemui lapangan.

JADUAL 1: Peratusan peralihan dan pengekelan generasi muda dan tua /aku/

No	Varian Leksikal /aku	Peratusan %	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1	aku	18%	58%
2	saja	10%	46%

3	ᵛᵛᵛ	6%	7%
4	ku ^w e	5%	1%
5	kitə	2%	3%
6	gu ^w e	0%	2%
7	akoh	0%	3%

Berdasarkan Jadual 1, data varian leksikal kata ganti nama /aku/ diatas menunjukkan perbezaan penggunaan varian leksikal oleh golongan warga tua dan golongan generasi muda di Kuala Selangor. Varian leksikal [aku] terkumpul 18% dari golongan warga tua berbanding golongan generasi muda 58% hal ini kerana pengkaji lebih ramai golongan muda berbanding tua. Disamping itu generasi muda sekarang lebih suka bermedia sosial dan generasi sekarang lebih gemar menggunakan perkataan [aku] kerana lebih selesa dan bersifat kasar. Berbanding dengan golongan tua yang lebih bersifat lembut dan mempunyai pengaruh dengan masyarakat Jawa dan Banjar terlebih dahulu.

Seterusnya varian leksikal [sajə] juga lebih digunakan oleh generasi muda 46% berbanding generasi tua 10%. Perkara ini disebabkan warga tua lebih bersifat santai semasa berkomunikasi. Generasi muda kini dapat dilihat lebih cenderung menggunakan varian leksikal kata ganti nama dalam Bahasa Melayu Standard.

Disamping itu, varian leksikal [ku^we] dapat dilihat lebih cenderung kepada golongan tua sedangkan generasi muda 1% .Hal ini menunjukkan generasi muda kurang pengetahuan dengan bahasa Jawa ini menunjukkan generasi muda lebih selesa menggunakan Bahasa Melayu standard. Disamping itu varian [ᵛᵛᵛ] memiliki peratusan yang hampir serupa antara generasi Tua iaitu generasi muda 6% dan generasi tua 7%. Hal ini mungkin disebabkan masih wujud tradisi atau dari generasi ke generasi yang masih menggunakan Bahasa Jawa dan Banjar. Seterusnya dilihat variasi leksikal standard [kitə] diguna pakai sebagai kata ganti diri nama pertama generasi muda 3% dan tua 2 % penggunaan leksikal ini mungkin trend Bahasa generasi muda dan golongan tua juga mengikutinya.

Seterusnya leksikal pengaruh Bahasa Banjar dan pengaruh Jawa iaitu [gu^we] dan [akoh] . varian leksikal [gu^we] diguna pakai oleh generasi muda . kemungkinan ini adalah disebabkan pengaruh daripada Jawa oleh generasi Tua. Manakala varian leksikal daripada pengaruh Banjar ialah [akoh] dilihat generasi muda mencatatkan 3% berbanding generasi tua 0%. Hal ini kerana generasi muda tersebut adalah berketurunan Banjar. Dapat disimpulkan , perbezaan varian

leksikal ini kerana disebabkan perubahan budaya , pengaruh media sosial dan pergaulan harian mereka.

JADUAL 2: Peratusan peralihan dan pengejalan generasi muda dan tua /kamu/

No	Varian Leksikal /awaʔ/	Peratusan %	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1	awaʔ	6%	25%
2	kaʔə	14%	22%
3	ka	5%	7%
4	kaw	6%	19%
5	enka	1%	3%
6	rika	1%	5%
7	sampəjan	1%	6%
8	kawoʔ	1%	2%
9	kuta	0%	1%

Berdasarkan Jadual 2, Varian leksikal [awaʔ] menunjukkan peratusan penggunaan yang lebih tinggi di kalangan generasi muda (25%) dibandingkan generasi tua (6%). Hal ini mungkin disebabkan oleh pengaruh perubahan trend bahasa dan penggunaan varian leksikal ini yang lebih sopan dan akrab dalam berkomunikasi harian.

Seterusnya varian leksiakl [kə^{wə}] digunakan lebih banyak oleh generasi muda iaitu 22% berbanding generasi tua sebanyak 14%. Hal ini disebabkan sesetengah generasi muda boleh dan memahami Bahasa Jawa tetapi untuk berkomunikasi yang Panjang agak kurang. Namun dengan varian leksikal ini dapat membuktikan wujudnya masyarakat Jawa di Kawasan daerah kuala Selangor dan Bahasa Jawa masih digunapakai oleh generasi muda.

Disamping itu varian [kə] [kaw] memperlihatkan generasi muda lebih tinggi peratusannya. Hal ini disebabkan generasi muda lebih ramai berbanding generasi tua. Varian leksikal [kə] 7% generasi muda dan 5% generasi tua .manakala [kaw] juga memperlihatkan generasi muda lebih tinggi iaitu 19 dan generasi tua 6%. Hal ini menunjukkan generasi muda lebih menggunakan Bahasa Melayu Standard. Hal ini mungkin disebabkan penggunaan Bahasa Melayu standard (BMS) yang lebih umum di kalangan generasi muda.

Disamping itu, varian leksikal [eŋkə], [rikə], [səmpəjan], [kawoʔ], dan [kutə] umumnya menunjukkan peratusan penggunaan leksikal yang rendah di kedua generasi. perbezaann ini mungkin disebabkan oleh kurang berjumpa dengan orang yang berketurunan Banjar dan Jawa. Selain itu, varian leksikal tersebut juga membuktikan adanya pengaruh Bahasa Jawa dan Banjar di Kuala Selangor.

JADUAL 3: Peratusan peralihan dan pengekaln generasi muda dan tua /mereka/

No	Varian Leksikal /mərəkə/	Peratusan %	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1	dioraŋ	8%	33%
2	mərəkə	6%	19%
3	dəʒ	4%	15%
4	dəʔɛ	7%	16%
5	kəbɛh	2%	3%
6	wəŋ wəŋɛ	2%	3%
7	kawpaŋ	1%	2%

8	rame rame	2%	2%

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan varian leksikal [dioraŋ] Varian ini memiliki peratusan penggunaan yang tinggi oleh generasi muda (33%) dan generasi tua (8%). Hal ini menunjukkan bahwa varian ini lebih digunakan oleh generasi muda dibandingkan generasi tua di Kuala Selangor. Hal ini disebabkan oleh perubahan generasi muda lebih gemar menggunakan leksikal ini berbanding dengan golongan muda.

Seterusnya varian leksikal [dɔʒ] dan [dɔʔɛ] Kedua varian ini memiliki peratusan penggunaan yang lebih tinggi oleh generasi tua (15% dan 16%) daripada generasi muda (4% dan 7%). Hal ini menunjukkan bahwa generasi tua lebih cenderung menggunakan varian ini dalam komunikasi sehari-hari mereka. Sebabnya mungkin karena varian ini lebih mencerminkan pengaruh bahasa Jawa yang lebih kuat pada generasi tua.

Disamping itu varian leksikal [kabeh], [woŋ woŋe], [kawpaŋ], dan [rame rame] Varian-varian ini memiliki peratusan penggunaan yang rendah oleh kedua generasi. Peratusannya 2% hingga 3% oleh generasi muda dan 2% oleh generasi tua. Hal ini disebabkan Kawasan negeri Selangor lebih cenderung menggunakan Bahasa Jawa berbanding Banjar kerana komuniti Jawa adalah lebih tinggi daripada Banjar.

5. Rumusan

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap penggunaan varian leksikal oleh generasi muda dan tua di Kuala Selangor dapat dirumuskan bahawa Penggunaan Bahasa Melayu Standard (BMS) lebih dominan di kalangan generasi muda. Varian leksikal seperti [aku] [saja] dan [dioraŋ] adalah beberapa contoh yang digunakan secara luas oleh generasi muda. Generasi muda cenderung menggunakan varian leksikal yang lebih umum dan digunakan dalam komunikasi harian mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengaruh pergaulan dan interaksi dengan lingkungan yang lebih luas.

Penggunaan varian leksikal Bahasa Jawa seperti [ku^we] dan [kabeh], [woŋ woŋe], dan [kawpaŋ] juga ditemukan di kalangan generasi tua. Hal ini menunjukkan pengaruh Bahasa Jawa dan Banjar yang masih kuat di antara generasi tua, mungkin karena latar belakang budaya dan asal-usul mereka. Perbezaan penggunaan varian leksikal antara generasi muda dan tua menunjukkan adanya perubahan bahasa seiring waktu dan pergeseran budaya. Generasi muda cenderung menggunakan varian leksikal yang lebih modern dan berimpak pada penggunaan Bahasa Melayu Standard. Pentingnya kajian ini agar pemahaman perbezaan varian leksikal antara generasi muda dan tua dalam konteks sosiolinguistik. Faktor-faktor seperti usia, lingkungan sosial, dan pengaruh budaya dapat mempengaruhi penggunaan bahasa dalam masyarakat.

Dengan demikian, rumusan kajian ini menggambarkan penggunaan varian leksikal antara generasi muda dan tua, serta memperlihatkan perubahan bahasa yang terjadi seiring dengan perubahan sosial dan budaya.

Rujukan

- Dilah Tuah, Remmy Gedat, Muhammad Jazlan Ahmad Khiri, dan Chong Shin. (2020). Pengekalan dan Peralihan Bahasa Dalam Kalangan Generasi Muda Etnik Kedayan Di Bekenu Sarawak
- Sa'adiah Ma'Alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong
- Asmah Haji Omar. (2008). Nahu Kemas Kini Panduan Bahasa Yang Baik Dan Betul. Kuala Lumpur. PTS Professional (buku)
- Jejak Tarbiah. (2019). Siapakah Orang Banjar Di Selangor <https://www.jtbooks.my/siapakah-orang-Banjar-di-selangor-bahagian-1/#:~:text=Orang%20Banjar%20dari%20Kalimantan%20Selatan,yang%20terus%20meneta p%20di%20perantauan.>
- Marlyna Maros. (2010). Dialek Melayu Pekan Penggunaan dan pengekalan <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8171/3722>
- Dilah Tuah, Remmy Gedat, Muhammad Jazlan Ahmad Khiri dan Chong Shin. (2020). Pengekalan dan Peralihan bahasa dalam kalangan Generasi Muda Etnik kedayan Di Bekenu Sarawak https://www.researchgate.net/publication/346395541_Pengekalan_dan_Peralihan_Bahasa_dalam_Kalangan_Generasi_Muda_Etnik_Kedayan_di_Bekenu_Sarawak
- Nor Hasimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi dan Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik <http://ejournal.ukm.my/gema/issue/view/1043>
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis, dan Hayati Lateh. (2015). Bahasa Sempadan Malaysia Dan Thailand: Pengekalan Vs Peralihan Bahasa <http://www.ukm.my/jpbm/Current.aspx>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah dan Hayati Lateh. (2019). Penyebaran Dialek Melayu Satun Di Langkawi dan Di Thai : Satu Kajian Perbandingan Berasaskan *Geographic Information System* (GIS) https://www.researchgate.net/publication/331384462_Penyebaran_Dialek_Melayu_Satun_d_i_Langkawi_dan_di_Thai_Satu_Kajian_Perbandingan_Berasaskan_Geographic_Information_System_GIS_The_Distribution_of_Satun_Malay_Dialect_in_Langkawi_and_Thai_A_Comparative_